

# Falsafah dan Kebudayaan

## Masalah *Qadā'* dan *Qadar*

(2)

Orang-orang Barat berkata, mundurnya orang-orang Timur ialah kerana mereka percaya kepada *qadā'* dan *qadar*, dan kepercayaan mereka yang tersebut telah mendorong mereka berserah buta kepada nasib. Tuduhan-tuduhan yang seperti itu pernah juga dilemparkan oleh setengah-tengah orang Islam yang terdidik secara Barat. Jadi, bagaimana kedudukannya yang sebenarnya?

Masalah ini telah diperbincangkan oleh alim ulama di Mesir baharu-baharu ini, sebagaimana yang disajikan oleh majalah “*Liwā' al-Islām*” Mesir, dan penjelasan mereka – bahagian yang pertama – telah pun disiarkan oleh Qalam pada bulan Januari yang lalu. Pada bahagian yang kedua ini kita sajikan pula penjelasan *fādīlah al-'Ustāz* al-Sayyid Muḥammad 'Amīn al-Ḥusaynī – Mufti Palestin.

### Penjelasan Mufti Palestin:

Dakwaan orang-orang Barat dan lain-lain golongan dari musuh-musuh Islam, yang mengatakan bahawa kemunduran umat Islam ialah kerana kepercayaan mereka kepada *qadā'* dan *qadar*, yang telah mendorong mereka berserah buta kepada nasib, tidak benar sama sekali. Kerana iktikad (mengenai *qadā'* dan *qadar*) ini, tidak menyuruh berserah buta kepada nasib dan bersikap malas.

Segala perkara yang telah dibawa oleh Islam, sebagaimana yang dijelaskan oleh *al-Qur'ān* dan Ḥadīth serta cara hidup Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayhi wa ālihi wa sallam* dan cara hidup sahabat-sahabatnya *radīya Allāh 'anhum*, tidak mengandungi sesuatu pun yang menyuruh berserah buta kepada nasib, atau berlaku malas, atau pun meninggalkan sebab (yang menjadi punca bagi sesuatu

perkara itu). Di dalam *al-Qur'ān al-Karīm* banyak ayat-ayat suci yang menyuruh kepada bekerja dan beramal, seperti firman Allah Ta'ālā:

“*Wa 'an laysa li-al- 'insāni 'illā mā sa'ā*

“Dan bahawa tiada bagi seseorang itu melainkan barang yang diusahaannya”

Dan firman-Nya lagi:

“*Wa qul i 'malū fa sayarā Allāhu 'amalakum wa Rasūluh*”

“Dan bekerjalah (berusahalah) kamu maka Allah dan Rasul-Nya akan melihat apa yang kamu telah kerjakan.”

Demikian juga dalam peraturan, Ḥadīth-Ḥadīth dan cara-cara hidup Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayhi wa ālihi wa sallam*, kita dapatilah baginda telah menggunakan sebab dan jalan yang membawa kepada tercapainya sesuatu perkara, dan telah menyediakan untuk tiap-tiap sesuatu itu alat-alat yang

menyempurnakannya, baik dalam perkara-perkara yang dilakukan dalam masa damai atau yang mengenai peperangan. Jadi, bagaimana boleh dituduh Islam menjadikan kepercayaan tentang *qadā'* dan *qadar* untuk berserah buta kepada nasib dan berlaku malas? Kepercayaan akan *qadā'* dan *qadar* itu sebenarnya ialah mengajak kita berserah kepada Allah 'azza wa jalla.

Barangsiapa yang mendengar Hadīth Rasulullah *sallā Allāh 'alayhi wa ālihi wa sallam* yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dan dikeluarkan oleh al-'Imām al-Nawawī dalam kumpulan "Empat Puluh Hadīth", yang di antaranya berbunyi:

"*Wa i'lām 'anna al-'ummata law 'ijtama'at 'alā 'an yanfa'ūka bi shay'in lam yanfa'ūka illa bi shay'in qad katabu Allāhu laka, walaw 'ijtama'at 'alā 'an yaḍurruka bi shay'in lam yaḍurūka illa bi shay'in qad katabu Allāhu 'alayka, rufi 'at al-aqlāmu wa juffat al-ṣuhf wa a'lām 'anna mā 'aṣābaka lam yakun liyukhṭi 'uka, wa 'anna mā 'ukhti 'uka lam yakun liyuṣībuka*"

Ertinya: "Dan ketahuilah bahawa umat manusia jika mereka berhimpun untuk mendatangkan faedah kepadamu dengan sesuatu perkara, mereka tidak akan dapat mendatangkan faedah kepadamu melainkan dengan sesuatu yang telah dituliskan (ditetapkan) Allah bagimu, dan jika mereka berhimpun untuk mendatangkan bahanaya kepadamu dengan sesuatu perkara, mereka tidak akan dapat mendatangkan bahanaya kepadamu melainkan dengan sesuatu yang telah dituliskan (ditetapkan) Allah atasmu. Terangkatlah pena-pena (yang menulis) dan keringlah buku-buku suratan itu dan ketahuilah bahawa apa yang telah menimpamu tidak akan dapat disisihkan daripada menimpamu, dan bahawa apa yang telah tersisih daripada menimpamu tidak akan dapat menimpamu."

Maksud Hadīth ini jelas, iaitu menyuruh kita beriktiad bahawa tiap-tiap sesuatu itu datangnya daripada Allah.

"Iktikad tentang *qadā'* dan *qadar*" itu sebagaimana

yang telah difaham oleh Rasulullah *sallā Allāh 'alayhi wa ālihi wa sallam* dan sebagaimana yang telah difahamkan oleh sahabat-sahabat baginda serta diamalkan oleh mereka, ialah suatu nikmat yang besar bagi orang-orang yang beriktiad dengannya. Kerana iktikad dengan *qadā'* dan *qadar* itu menumbuhkan di dalam diri mereka jiwa ketenteraman dan penyerahan kepada Allah 'azza wa jalla dan menjauhkan daripada mereka perasaan resah gelisah dan ketakutan, kerana manusia di dalam kehidupan dunia ini adalah terdedah kepada berbagai kemalangan dan percubaan (ujian). Kalau ia tidak beriktiad dengan *qadā'* dan *qadar* yang menjadi benteng baginya dan reda dengan apa yang telah disuratkan Allah baginya serta tunduk kepada kuat kuasa Allah 'azza wa jalla, maka sudah tentu ia akan menyusahkan dirinya dan merosakkan urat sarafnya dan kadang-kadang akan kehilangan akalnya. Adapun orang yang beriktiad dengan *qadā'* dan *qadar* itu maka ia akan menerima segala ujian dan percubaan yang tersebut dengan

Siapakah di antara sahabat 'Anṣār yang

utama? Jawabnya ialah

**Sa'ād bin Mu'ādh**

Bangsawan kabilah 'Aus yang utama yang banyak jasanya kepada Islam. Perjuangannya, hidupnya dan matinya semata-mata kerana Allah.

"Kematian Sa'ād bin Mu'ādh adalah satu kehilangan yang sangat besar bagi kaum muslimin" – kata 'Umm al-Mu'minīn 'Ā'ishah.

Perjuangannya? Baca sejarahnya dalam buku ini, Sejarah Shuhadā' Islam 5.

Senaskhah hanya 50 sen *post*

10 sen.

sabar, cekal hati, dan sepenuh-penuh reda serta tidak teragak-agak. Dengan itu juga ia akan menjadi berani, dan berjaya dalam pekerjaannya hari-hari dan dalam perniagaan dalam masa aman, dan gagah berani dalam masa peperangan.

Suatu angkatan tentera yang orang-orangnya beriktikad dengan *qadā*' dan *qadar* – menurut iktikad yang sebenar-benarnya – tidak akan dapat dikalahkan oleh lawannya.

Sebenarnya perkara yang memberanikan golongan yang menuduh bawah iktikad kepada *qadā*' dan *qadar* itu menyuruh orang-orang yang beriktikad dengannya menyerah buta kepada nasib, ialah berpunca daripada apa yang telah mereka baca dalam perbahasan-perbahasan yang banyak dan pertengkarann-pertengkaran yang telah lalu yang disajikan

di dalam setengah-setengah kitab tafsir tentang makna “*qaḍā*' dan *qadar*” itu. Sebenarnya kandungan-kandungan kitab-kitab tafsir yang seperti itu bertentangan sama sekali dengan pengertian *qaḍā*' dan *qadar* yang sebenar-benarnya.

Kesimpulannya iktikad “*qaḍā*' dan *qadar*” itu adalah menjadi kemenangan bagi orang-orang yang beriktikad dengan-Nya, dan bahawa dakwaan yang mengatakan iktikad itu mendorong kepada berserah buta kepada nasib dan bersikap malas adalah suatu dakwaan yang tidak benar dan tidak berasas.

**(Dalam keluaran yang akan datang, Qalam – ‘Inshā’ Allāh – akan menyiarkan penjelasan al-Ustaz Sabri ‘Abidin tentang masalah ini).**



*Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah Johor, sedang mengelilingi bandar Johor Baharu setelah dimahkotakan dengan selamatnya.*